

PENGENALAN

FUNGSI BAHAGIAN PENGURUSAN PEKERJA MIGRAN

VISI

1. Memastikan permohonan pekerja asing diproses berdasarkan dasar-dasar semasa Kerajaan.

MISI

2. Mentadbir urus Pusat Kelulusan Setempat (One-Stop Centre) Pengurusan Pekerja Asing bagi memastikan kelulusan setiap permohonan dilaksanakan mengikut dasar-dasar dan tempoh yang ditetapkan.

FUNGSI BAHAGIAN PENGURUSAN PEKERJA MIGRAN (BPPM)

1. Urus Setia Pusat Kelulusan Setempat (One Stop Centre – OSC) Penggajian Pekerja Asing;
2. Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Dalam Negeri;
3. Memproses permohonan kuota penggajian pekerja asing;
4. Memproses permohonan pindaan jumlah kelulusan kuota penggajian pekerja asing;
5. Memproses permohonan pelanjutan bayaran levi bagi kuota pekerja asing;
6. Memproses permohonan tukar majikan / tukar sektor;
7. Menyediakan input / maklum balas Parlimen, Mesyuarat Jemaah Menteri dan lain-lain berkaitan pengurusan pekerja migran.

**PENUBUHAN PUSAT KELULUSAN SETEMPAT (OSC),
PENGURUSAN PENGAMBILAN PEKERJA MIGRAN (BPPM),
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA (KSM)**

1. Mesyuarat Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pekerja Asing (JKKPA) Kali Ke-33 Bil. 2/2005 pada 5 Julai 2005 telah bersetuju dengan penubuhan Pusat Kelulusan Setempat (One Stop Centre – OSC) di Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk memproses permohonan majikan yang lengkap dan layak mengambil pekerja asing.
2. Pusat Kelulusan Setempat atau OSC, Pengurusan Pekerja Asing, KDN tersebut telah beroperasi mulai 1 Ogos 2005 dimana Agensi Kawal Selia bagi semua sektor yang dibenarkan bagi penggajian pekerja asing telah ditempatkan secara sepenuh masa di OSC.
3. Seterusnya, bagi menambahbaik dan memperkasakan pengoperasian OSC, Pengurusan Pekerja Asing, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 20 April 2022 bersetuju untuk memindahkan fungsi tersebut kepada Kementerian Sumber Manusia (KSM) selaku Kementerian yang bertanggungjawab dalam penggubalan dasar-dasar penggajian pekerja asing.
4. Susulan itu, Bahagian Pengurusan Pekerja Migran (BPPM), KSM telah ditubuhkan bagi menguruskan pengoperasian OSC, Pengurusan Pekerja Asing, KSM yang telah mula beroperasi sepenuhnya pada 1 September 2022. Antara perkhidmatan yang disediakan adalah :
 - i. Permohonan kuota baharu penggajian pekerja asing;
 - ii. Permohonan Tukar Majikan;
 - iii. Permohonan Tukar Sektor;
 - iv. Pengesahan dokumen berkaitan penggajian pekerja asing;
 - v. Khidmat Pelanggan dan bantuan berkaitan penggajian perkerja asing; dan
 - vi. Perkhidmatan-perkhidmatan lain yang berkaitan.